

Kepelbagaian pisang liar di Semenanjung Malaysia

(Variation of wild banana in Peninsular Malaysia)

Maimun Tahir, Mohd Norfaizal Hj Ghazalli, Anuar Rasyidi Mohd Nordin, Ahmad Syahman Mohd Dalee, Abdul Muhaimin Abdul Kadir, Salmaniza Salleh, Mohd Shukri Mat Ali @ Ibrahim

Pengenalan

Pokok pisang boleh didapati dengan mudah di seluruh Malaysia. Pokok pisang yang tumbuh sendiri di kawasan terbiar dikenali sebagai pisang liar atau pisang hutan. Antara spesies pisang liar di Malaysia ialah *M. accuminata*, *M. violascens*, *M. gracillis*, *M. borneensis* dan *M. balbisiana*. *M. accuminata* yang terdiri daripada lima subspecies iaitu *M. accuminata* spp. *accuminata*, *M. accuminata* spp. *malacensis*, *M. accuminata* spp. *truncata*, *M. accuminata* spp. *microcarpa* dan *M. accuminata* spp. *flava*. Walaupun daripada spesies yang sama, ciri daun, buah dan jantung adalah berbeza antara subspecies ini.

Aktiviti pengumpulan

Kajian pengumpulan *M. accuminata* telah dijalankan pada tahun 2015 – 2018 di Semenanjung Malaysia untuk tujuan konservasi. Pencirian di lapangan dan pengumpulan bahan tanaman yang terdiri daripada sulur pisang dan buah matang yang mengandungi biji benih telah dilakukan untuk tujuan tersebut (Gambar 1). Selain bahan tanaman, maklumat persekitaran di mana sampel diambil turut direkodkan untuk rujukan pada masa akan datang. Terdapat juga beberapa cabaran dalam kajian ini seperti masa pengumpulan yang tepat bagi mendapatkan buah yang matang. Selain itu, pengumpulan ulangan juga sukar dilakukan apabila pokok sudah dimusnahkan untuk tujuan pembangunan.




Perbezaan antara subspecies

Melalui kajian ini, terdapat beberapa perbezaan yang telah dikenal pasti. Perbezaan-perbezaan tersebut adalah seperti dalam *Jadual 1*.



Gambar 1. Pengumpulan pisang liar di kawasan hutan sekunder

Jadual 1. Perbezaan antara subspecies pisang liar

Gambar	Keterangan
	<p><i>M. accuminata</i> spp. <i>accuminata</i> Didapati di sepanjang jalan dan di kawasan terbiar sama ada di tanah rendah atau tinggi di seluruh Semenanjung Malaysia.</p> <p>Tumbuh secara berkelompok besar (>10 pokok) dengan ketinggian pokok 2 – 3 m. Tandan pada posisi 45° ke bawah. Jantung berwarna merah dengan bukaan helaian jantung lurus.</p>
	<p><i>M. accuminata</i> spp. <i>malacensis</i> Dijumpai di hutan sekunder, kawasan ladang kelapa sawit terutamanya di kawasan tanah rendah yang sudah diteroka.</p> <p>Tumbuh secara berkelompok kecil (<10 pokok) dengan ketinggian pokok 2 – 3 m. Daun menegak ke atas. Tandan pada posisi 45° ke bawah. Jantung berwarna merah gelap dengan bukaan helaian jantung secara bergulung.</p>
	<p><i>M. accuminata</i> spp. <i>truncata</i> Tumbuh di kawasan hutan sekunder pada ketinggian 150 – 2,000 m dari aras laut. Setakat ini dijumpai di Selangor, Pahang dan Perak.</p> <p>Tumbuh dalam kelompok kecil (<10 pokok) dengan ketinggian melebihi 4 m. Hujung daun berbentuk rata. Tandan pada posisi 45° ke bawah. Tandan dan buah muda berwarna ungu. Jantung berwarna ungu dengan bukaan helaian jantung bergulung.</p>

Gambar

Keterangan



M. accuminata spp. *microcarpa*

Terdapat di kawasan hutan sekunder pada ketinggian 50 – 500 m dari aras laut. Rekod mencatatkan penemuan di Pahang.

Dijumpai dalam kelompok kecil (<10 pokok) dengan ketinggian 2.5 – 3.5 m. Tandan pada posisi 45° ke bawah. Jantung berwarna kuning dengan bukaan helaian jantung bergulung.



M. accuminata spp. *flava*

Terdapat di kawasan hutan sekunder pada ketinggian 5 – 500 m dari aras laut. Rekod mencatatkan penemuan di Johor dan Pahang.

Terdapat dalam kelompok kecil (<10 pokok) hingga ke kelompok besar (>10 pokok) dengan ketinggian 2 – 3 m. Tandan buah dan jantung berwarna merah dalam posisi menegak 90° dengan bukaan helaian jantung bergulung.

Kesimpulan

Pisang liar merupakan sumber kekayaan genetik bagi pisang komersial khususnya dalam menangani isu penyakit. Sumber yang hampir pupus ini haruslah dipelihara dan kajian lanjut perlu dilakukan secara intensif.

Bibliografi

- Anuar Rasyidi, M.N., Maimun, T., Mohd Shukri, M.A., Khadijah, A., Mohd Norfaizal, G., Site Noorzuraini, A.R., Siti Sofiah, M., Ahmad Syahman, M.D., Masrom, H. dan Razali, A.R. (2016). Diversiti *Musa* L., (*Musaceae*) di lokasi terpilih (Negeri Pahang): Satu kajian awal. Persidangan Kebangsaan Agrobiodiversiti
- Maimun T., Suryanti B., Anuar Rasyidi M. N., Abdul Muhaimin A. K., Masrom H. dan Ahmad Syahman M.D. (2016). Seed morphological variation among the banana taxa. 9th National Seed Symposium

- Maimun, T., Anuar Rasyidi, M.N., Masrom, H., Abdul Muhaimin, A.K. dan Ahmad Syahman, M.D. (2016). Potential radiant wild banana for landscaping. MARDI Science and Technology Exhibition (MSTE)
- Holttum, R.E. (2015). *Musa* species native in Malaysia. *Flora Malaysiana* vol. 13(2): 15 – 50
- Van Balgooy, M.M.J., Low Y.W. dan Wong, K.M. *Malesian Seed Plants: a Guide*. Kota Kinabalu, *Malaysia: Natural History Publications (Borneo)*. m.s. 278
- Wong, C., Kiew, R., Loh, J.P., Gan, L.H., Set, O., Ling, S. K., Lum, S. dan Gan, Y.Y. (2001). Genetic diversity of the wild banana *Musa acuminata* Colla in Malaysia as Evidenced by AFLP. *Annals of Botany* Vol. 88, Issue 6, December 2001, m.s. 1017 – 1025

Ringkasan

Kepelbagaian spesies pisang liar merupakan penyumbang kepada kepelbagaian genetik tanaman pisang. Pengumpulan data serta bahan tanaman pisang liar untuk konservasi dilakukan bagi membekalkan sumber untuk kajian lanjut kepada pembaikbakaan pisang komersial. Adalah diharapkan aktiviti ini dapat mengumpul maklumat dan menyumbang kepada industri pisang tempatan.

Summary

The diversity of wild banana species is a contributor to the genetic diversity of banana plants. Data collection as well as wild banana plant material for conservation is done to provide resources for further study for commercial banana breeding. It is hoped that this activity can gather information and contribute to the local banana industry.

Pengarang

Maimun Tahir

Pusat Penyelidikan Tanaman Industri, Ibu Pejabat MARDI

Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang, Selangor

E-mel: mun@mardi.gov.my

Mohd Norfaizal Ghazalli (Dr.), Anuar Rasyidi Mohd Nordin dan Salmaniza Salleh

Pusat Penyelidikan Agrobiodiversiti dan Persekitaran, Ibu Pejabat MARDI

Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang, Selangor

Ahmad Syahman Mohd Dalee dan Abdul Muhaimin Abdul Kadir

Pusat Penyelidikan Tanaman Industri, Ibu Pejabat MARDI

Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang, Selangor

Mohd Shukri Mat Ali@Ibrahim (Dr.)

Pusat Penyelidikan Hortikultur, Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang, Selangor

Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang, Selangor